

PM arah pasukan keselamatan ²⁰³
bersedia jamin p-*raya* lancar

RAPAT UMUM DI LARANG

17 JUN 1978

KUALA LUMPUR 11 Jun -- Pihak berkuasa mungkin tidak akan membenarkan parti-parti politik mengadakan rapat umum dalam kempen pilihanraya mereka.

Utusan Malaysia difahamkan hari ini cuma kempen ala Kelantan sahaja akan dibenarkan yang berupa kempen rumah ke rumah serta majlis-majlis ceramah.

Sementara itu di Ipoh: Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu bahawa besar kemungkinan semua rapat umum di waktu malam akan diharamkan dalam masa kempen pilihanraya umum nanti.

Beliau memberitahu para pemberita selepas menemui lebih 600 orang pemimpin bahagian-bahagian UMNO seluruh Perak di sini petang semalam, langkah ini mungkin diambil bagi memastikan semua kempen berjalan lancar tanpa sebarang kejadian tidak diingini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi amaran komunis mungkin mengambil kesempatan mencetuskan huru-hara dalam negeri menjelang pilihanraya dengan tujuan menakut-nakutkan orang ramai dari keluar membuang undi.

Di samping itu kerajaan tidak mahu pihak pembangkang menyebarkan api hingga boleh mencetuskan peristiwa seperti yang berlaku 1969 lalu, tambahnya.

Menurutnya, pasukan tentera dan polis telah diarah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan yang mungkin akan dicetuskan oleh komunis menjelang pilihanraya.

Terpaksa

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn sendiri telah mengeluarkan arahan supaya pasukan keselamatan bersiap sedia bagi menjamin pilihanraya berjalan lancar tanpa gangguan anasir komunis.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang dilantik menjadi Pengerusi Badan Hubungan UMNO Perak mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap tipu helah pembangkang.

Ketika berucap kepada jawatankuasa bahagian UMNO seluruh negeri sebelumnya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Pemangku Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn terpaksa bertindak tegas menyelesaikan masalah calon pilihanraya walaupun terpaksa menghadapi keadaan 'ditelan mati emak, tidak ditelan mati bapak.'

Beliau menasihatkan para pemimpin parti supaya bersikap mahai 'berkorkan' dengan mematuhi sebarang arahan parti. Ini adalah perkara yang mesti diperhatikan secara serius "terutama bila ada yang tidak dapat jadi calon."

Sambil berseloroh beliau berkata, pada satu ketika Datuk Hussein sendiri sudah hendak lari ke Gunung Tahan untuk mengelakkan diri dari didatangi oleh rombongan parti, "tetapi Gunung Tahan pun tak tahan, yang tahan mungkin Gunung Kinabalu", disambut gelak ketawa.

Menurutnya, "walau apa pun keadaan yang berlaku, anggota-anggota UMNO mestilah merujuk kepada "disiplin parti", dengan terpaksa berkorban apa sahaja asalkan UMNO yang menjadi tulang belakang kerajaan itu mendapat kejayaan.

"Inilah intisari perjuangan yang dikendalikan oleh Parti UMNO, kalau hendak puas hati pun, apa yang akan berlaku mesti ada yang dapat atau tidak dapat jadi calon, kerana bilangan calon terbatas," tegas beliau lagi.

Beliau mengingatkan seluruh tenaga pilihanraya UMNO betapa PAS akan tetap bekerjasama dengan DAP dalam pilihanraya nanti,

semata-mata bukan mesti menang, "tetapi berjuang cara sakit hati."

PAS akan melakukan apa sahaja supaya masyarakat orang Melayu berpecah semata-mata untuk menumbangkan kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir sekali lagi mencabar Yang Dipertua Agung PAS Datuk Mohd Asri Haji Muda membuktikan tuduhannya tentang buku "Malay Dilemma" yang kononnya ada menyebut orang-orang Melayu mundur, kerana mereka beragama Islam.

"Tuduhan mereka palsu dan saya cabar sekali lagi buktikan dan kalau mereka nak baca boleh datang ke pustakaan universiti," kata beliau.

Di Teluk Anson: Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Haji Othman Abdullah berkata di sini hari ini parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya kali ini akan diberi peluang berkempen melalui radio mengikut kuota yang ditetapkan oleh kementerianannya.